

Headline **SMART tutup ibu kota sesak**
Date **25. Mar 2008**
Media Title **Utusan Malaysia**
Section **Dlm Negeri**
Circulation **238082**
Readership **833287**

Language **MALAY**
Page No **16**
Article Size **424** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**



LEBUH Raya Utara Selatan mengalami kesesakan teruk ekoran penutupan laluan Terowong Air Banjir dan Jalan Raya (SMART) di Kuala Lumpur, semalam.

SMART tutup ibu kota sesak



KUALA LUMPUR 24 Mac - Ribuan pemandu terutama yang ingin ke pejabat pada pagi ini terperangkap dalam kesesakan teruk berpunca daripada penutupan laluan Terowong Air Banjir dan Jalan Raya (SMART).

Kesesakan sejak pukul 7.30 pagi sehingga 11.30 pagi itu bermula dari persimpangan Plaza Tol Kajang di Lebuhraya Utara Selatan arah utara dan sepanjang Lebuhraya Hubungan Seremban-Kuala Lumpur mulai Plaza Tol Sungai Besi sehingga ke pusat bandar raya.

Ekoran kesesakan di kedua-dua lebuhraya itu yang menjadi laluan utama ke pusat bandar raya, ia menyebabkan keadaan sama di Lebuhraya Sungai Besi (Besraya) bermula dari pekan Salak Selatan sehingga persimpangan Jalan Istana/Jalan Sungai Besi.

Beberapa jalan utama menuju pusat bandar raya juga mengalami kesesakan berikutan penutupan terowong itu terutama di Jalan Tun Razak menghala ke selatan.

Laluan kenderaan di terowong sejauh tiga kilometer itu selama ini menjadi alternatif kepada warga kota.

Ia bermula di simpang Taman Desa yang dihubungkan melalui Lebuhraya Hubungan Seremban-Kuala Lumpur dekat Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Sungai Besi sehingga ke Bulatan Kampung Pandan untuk menghubungkannya dengan Jalan Tun Razak.

Sehingga kini, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang mengarahkan pihak SMART melakukan penutupan untuk tujuan penyaluran air tidak menyatakan bila terowong laluan kenderaan itu akan dibuka semula.

Pengurus Perhubungan Awam SMART, **Wan Azhar Wan Yeop** yang dihubungi memberitahu, terowong itu ditutup bagi membolehkan penyaluran air dari sungai pusat bandar ke kolam-kolam takungan dilakukan bagi mengelakkan berlakunya banjir kilat jika berlaku hujan lebat di ibu negara.

Katanya, akibat hujan lebat beberapa hari lalu dan air sungai utama ibu negara berada paras tinggi, penyaluran terpaksa dilakukan secara perlahan-lahan.

"Ketika ini, air Sungai Klang dan Kerayong meningkat kerana hujan lebat dan dijangka berterusan seminggu lagi," katanya.

Beliau berkata, arahan penutupan terowong itu oleh JPS berjaya menyelamatkan imej negara daripada mengalami banjir kilat semasa berlangsungnya Grand Prix Malaysia F1 di Sepang semalam.

Menurut laman web Jabatan Meteorologi, pihaknya meramalkan hujan lebat dengan ribut petir pada sebelah petang di ibu negara ketika ini akan berterusan sehingga 30 Mac ini.

Sementara itu, Pengurus Besar Komunikasi Korporat, PLUS Expressway Berhad, **Khalilah Mohd. Talha** berkata, pemantauan trafik pihaknya mendapati kesesakan berlaku semasa waktu puncak di sebelah pagi ketika orang ramai berpusing-pusing ke tempat kerja.

"Bagaimanapun kesesakan itu beransur pulih mulai pukul 11.30 pagi dan selepas itu keadaan kembali lancar," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Dalam pada itu, kata Khalilah, ekor kesesakan teruk hari ini, mulai esok pihaknya akan memaparkan maklumat trafik di papan pesanan elektronik (VMS) di dua lokasi iaitu sebelum Plaza Tol Nilai dan Plaza Tol Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Ia bagi membolehkan pengguna lebuhraya memilih laluan alternatif dan mengelakkan menggunakan laluan yang sesak ke pusat bandar raya," katanya.